

18 MAR 1997

M'SIA DAN JEPUN TUBUH PASUKAN PETUGAS NAK TANGANI DAGANGAN TAK SEIMBANG

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Kedua-dua kerajaan Malaysia dan Jepun sedang mencari jalan untuk menyelesaikan masalah defisit dagangan Malaysia dengan Jepun, kata menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya para pegawai dari kementeriannya dan rakan sejawatan mereka di Jepun telah mengatur satu mesyuarat bagi mencari jalan untuk mengurangkan ketidakseimbangan dagangan yang memihak kepada Jepun untuk sekian lamanya.

Dalam 1996 import Malaysia dari Jepun berjumlah RM48.398 bilion manakala eksport bernilai RM26.378 bilion. Dalam 1995 Malaysia mengimport barangan bernilai RM53.088 bilion berbanding dengan eksport sebanyak RM23.449 bilion.

Sambil menyatakan bahawa mesyuarat yang dicadangkan itu adalah hasil daripada lawatan perdana menteri Jepun Ryutaro Hashimoto ke Malaysia baru-baru ini, Rafidah berkata satu persetujuan dicapai antara Malaysia dan Jepun untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas bagi menangani persoalan tersebut.

Beliau berkata pasukan petugas itu akan bertemu secara kerap dan menjelang hujung tahun ini mereka akan mengemukakan satu laporan yang akan dijadikan sebagai asas untuk tindakan selanjutnya tentang bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu.

"Ia adalah mesyuarat yang sedang berjalan dan akan melihat kepada bagaimana untuk mengurangkan defisit itu atau bagaimana kita dapat mengurangkan kesan defisit itu," Rafidah memberitahu pemberita selepas melancarkan pameran "Lyrical Photographs of Japan" oleh Dr Kamaruddin M Said di Pusat Kebudayaan Jepun (JCC) di sini, hari ini.

Pasukan petugas itu yang baru saja dibentuk telahpun mengaturkan mesyuarat pertamanya baru-baru ini.

Mengulas mengenai arahan perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya jangan mengenakan syarat dalam usaha menarik pelaburan, Rafidah berkata usaha telah dibuat untuk menyelesaikannya.

"Dalam hubungan mengurangkan atau menghapuskan peraturan dan untuk mempermudah usaha sektor swasta, kerajaan-kerajaan negeri telah diminta mengkaji peraturan dan tatacara mereka dan tidak memasukkan keperluan dan kos untuk mengurus niaga kerana ia boleh menghalang usaha sektor swasta, tempatan atau luar negeri," kata Rafidah.

Rafidah berkata pihak kementerian akan menggunakan Persidangan Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Majlis Tanah Negara sebagai saluran untuk memaklumkan kerajaan-kerajaan negeri mengenai perkara itu.

"Kita cuba untuk tidak mengadakan syarat-syarat tambahan kepada para pelabur," katanya.

"Ia adalah mesyuarat yang sedang berjalan dan akan melihat kepada bagaimana untuk mengurangkan defisit itu atau bagaimana kita dapat mengurangkan kesan defisit itu," Rafidah memberitahu pemberita selepas melancarkan pameran "Lyrical Photographs of Japan" oleh Dr Kamaruddin M Said di Pusat Kebudayaan Jepun (JCC) di sini, hari ini.

Pasukan petugas itu yang baru saja dibentuk telahpun mengaturkan mesyuarat pertamanya baru-baru ini.

Mengulas mengenai arahan perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya jangan mengenakan syarat dalam usaha menarik pelaburan, Rafidah berkata usaha telah dibuat untuk

menyelesaikannya.

"Dalam hubungan mengurangkan atau menghapuskan peraturan dan untuk mempermudah usaha sektor swasta, kerajaan-kerajaan negeri telah diminta mengkaji peraturan dan tatacara mereka dan tidak memasukkan keperluan dan kos untuk mengurus niaga kerana ia boleh menghalang usaha sektor swasta, tempatan atau luar negeri," kata Rafidah.

Rafidah berkata pihak kementerian akan menggunakan Persidangan Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Majlis Tanah Negara sebagai saluran untuk memaklumkan kerajaan-kerajaan negeri mengenai perkara itu.

"Kita cuba untuk tidak mengadakan syarat-syarat tambahan kepada para pelabur," katanya. -- BERNAMA

ZMY SIA